KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

6-7 FEBRUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
6 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro X
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Rakyat saling menghormati

Kuala Lumpur: Kemeriahan sambutan perayaan Thaipusam di seluruh negara, semalam menjadi cerminan mengenai sifat masyarakat Malaysia Madani yang penuh keterbukaan dan saling menghormati.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, dari Georgetown di Pulau Pinang sehinggalah Batu Caves di Gombak, jutaan penganut agama Hindu merayakan sambutan ini dengan tekun serta meriah.

"Raikan kemeriahan ini dengan penuh harmoni dan kesederhanaan. Patuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi memastikan perayaan dapat disambut dengan lancar," katanya mengucapkan selamat menyambut Hari Thaipusam kepada penganut agama Hindu di negara ini mewakili warga Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).



AHMAD Zahid

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Fadillah Yusof turut mengucapkan selamat menyambut Thaipusam kepada rakyat Malaysia beragama Hindu.

Dalam catatan di Twitter, beliau berharap rakyat terus memelihara perpaduan, keharmonian dan menanamkan sifat saling menghormati, yang menjadi teras kemakmuran serta kesejahteraan negara tercinta.



PENGANUT Hindu yang bernazar berkumpul menyucikan diri di Pantai Tanjung Batu, Labuan sempena sambutan Thaipusam, semalam.

TARIKH:
6 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☒
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
- 東方日報 Oriental Daily News ☐
- Utusan Borneo ☐
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

Jadi cerminan masyarakat Malaysia Madani

KUALA LUMPUR - Kemeriahan sambutan perayaan Thaipusam di seluruh negara pada Ahad menjadi cerminan tentang sifat masyarakat Malaysia Madani yang penuh keterbukaan dan saling menghormati.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, dari Georgetown di Pulau Pinang sehinggalah Batu Caves di Gombak, Selangor jutaan penganut agama Hindu merayakan sambutan ini dengan tekun serta meriah.

"Raikan kemeriahan ini dengan penuh harmoni dan kesederhanaan. Patuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi memastikan perayaan dapat disambut dengan lancar, " katanya.

Beliau turut mengucapkan selamat menyambut Hari Thaipusam kepada penganut agama Hindu di negara ini, mewakili warga Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Fadillah Yusof turut mengucapkan selamat menyambut Thaipusam kepada rakyat Malaysia beragama Hindu.

Dalam ciapan di Twitter, beliau berharap supaya rakyat terus memelihara perpaduan, keharmonian dan menanamkan sifat saling menghormati, yang menjadi teras kemakmuran serta kesejahteraan negara tercinta. - *Bernama*

TARIKH:
6 FEBRUARI 2023
HALAMAN:
ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☒
New Sabah Times ☐

New homestays will add value to Pos Gob — Resident

GUA MUSANG: The Orang Asli community in Pos Gob has welcomed the government's efforts to develop their settlement area as an eco-tourism site with a variety of attractions for both domestic and foreign visitors.

Located about a five-hour drive on a logging road from Gua Musang town, Pos Gob, which is the most remote Orang Asli settlement in Kelantan, is home to diverse species of flora and fauna that remain untouched by pollution and development. Pos Gob Orang Asli Development and Safety Committee (JPKKOA) chairman Uda Alang said he hoped that the project would be a catalyst for socio-economic development in Pos Gob and provide employment opportunities for young Orang Asli in the village.

"The villagers have previously built several bamboo and wooden homestays that maintain the community's identity.

"We are very happy with the government's plan to increase the number of homestays here," he told reporters here yesterday.

Meanwhile, Nenggiri assemblyman Ab Aziz Yusoff said he was confident that the project would be able to improve the standard of living of the Orang Asli there. He said the proposal for the construction of 11 new homestays in the area had been approved by the federal government and the South Kelantan Development Authority (Kesedar) and the Orang Asli Development Department (Jakoa) had been appointed as implementing agencies for the project.

"It is understood that Kesedar will build five homestays while the construction of six other homestys will be done by Jakoa.

"In addition, an allocation of RM250,000 has been approved to build an open-air hall in the area," he said. — Bernama

TARIKH:
6 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
- 東方日報 Oriental Daily News ☐
- Utusan Borneo ☒
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

MRSM Ranau dijangka siap September depan

Oleh Hamzah Sanudin

RANAU: Bangunan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di sini dijangka diserahkan kepada kerajaan pada September tahun ini.

Projek di tapak tanah berkeluasan 30 ekar bersebelahan Kompleks Sukan Ranau itu kini mencapai 95 peratus untuk disiapkan.

Setelah bangunan MRSM itu siap kelak, ia akan menjadi gedung ilmu kepada pelajar di daerah ini dan kawasan bahagian pedalaman.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) Sabah Datuk Datu Rosmadi Sulai bersama Pegawai Daerah Ranau Jumain Abd Ghani; Pegawai Eksutif Majlis Daerah Ranau Jupirin Ruhimin serta Deligasi PETRONAS turut melawat tapak bangunan berkenaan.



PROJEK: Bangunan MRSM Ranau kini 95 peratus dijangka siap.

TARIKH:
6 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 ☐
- 東方日報 ☐
- Utusan Borneo ☒
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

Kemeriahan Thaipusam jadi cerminan masyarakat Malaysia Madani: Zahid

KUALA LUMPUR: Kemeriahan sambutan perayaan Thaipusam di seluruh negara semalam menjadi cerminan tentang sifat masyarakat Malaysia Madani yang penuh keterbukaan dan saling menghormati.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata dari Georgetown di Pulau Pinang sehinggalah Batu Caves di Gombak, jutaan penganut agama Hindu merayakan sambutan ini dengan tekun serta meriah.

"Raikan kemeriahan ini dengan penuh harmoni dan kesederhanaan. Patuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi memastikan perayaan dapat disambut dengan lancar," katanya mengucapkan selamat menyambut Hari Thaipusam kepada penganut agama Hindu di negara ini mewakili warga Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Fadillah Yusof turut mengucapkan selamat menyambut Thaipusam kepada rakyat Malaysia beragama Hindu.

Dalam catatan di Twitter, beliau berharap supaya rakyat terus memelihara perpaduan, keharmonian dan menanamkan sifat saling menghormati, yang menjadi teras kemakmuran serta kesejahteraan negara tercinta. — Bernama

TARIKH:
6 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE
UTUSAN SARAWAK

Fokus perkara utama luar bandar

LINGGA: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah memfokuskan empat perkara utama dalam usaha membangunkan luar bandar khasnya kepada pembangunan desa berteraskan Digital, Ekonomi, Sahsiah dan Akhlak serta Aksesibiliti.

Menurut Timbalan Menterinya, Datuk Rubiah Wang, ke arah itu, beliau memperlihatkan keperluan peruntukan yang lebih memfokuskan kepada pembangunan desa Sarawak dan Sabah.

"Harapan kita di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, peruntukan untuk pembangunan dapat ditingkatkan bagi kita memastikan pembangunan luar bandar khususnya desa dan wilayah dapat kita segerakan.

"Ini kerana kita melihat beberapa pendekatan khususnya di Sabah dan Sarawak yang masih lagi ketinggalan khasnya dari pembangunan fizikal di desa.

"Bukan sahaja dari sudut infrastruktur secara langsung malah dari sudut pembangunan sosioekonomi dan harapan kita dengan bajet yang sedia ada, kementerian sudah menggariskan serta memfokuskan bajet tahun ini lebih kepada Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Premis Perniagaan di Kampung Melayu Agropolitan Seduku Baru.

Rubiah menambah, pembangunan di Agropolitan Seduku pada masa sekarang juga dilihat telah mencakupi pelbagai bidang yang bukan sahaja dari sudut sosioekonomi malahan sosial.

Jelasnya, pihak kementerian mengutamakan penyediaan prasarana bagi tujuan penekanan sudut peningkatan ekonomi dengan mewujudkan program peningkatan pendapatan, program ekonomi yang lebih berbentuk komersil dan usaha untuk menghasilkan lebih ramai usahawan desa.

Tambah beliau lagi, lima unit premis perniagaan telah lama siap dibina dengan kos RM660,000 dan kerjasama di antara kerajaan pusat dan negeri telah berjaya membawa penduduk di Pulau Seduku ke penempatan baharu Agropolitan Seduku Baru dengan kos pembangunan sebanyak RM68 juta yang mana penduduk akan mendapat lebih banyak kemudahan berbanding di pulau.

Dalam program sama, Rubiah turut mengumumkan Projek Baik Pulih Premis Perniagaan sebanyak RM90,000 dan juga RM100,000 untuk kerja naik taraf Dewan Serbaguna Kampung Agropolitan Seduku Baru di bawah Felcra Batang Lupar Berhad.

Turut hadir, Ahli Parlimen Batang Lupar, Mohamad Shafizan Kepli, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lingga Dayang Noorazah Awang Sohor, Ketua Pegawai Eksekutif Felcra Berhad Dato Mat Roni Zakaria dan Residen Bahagian Sri Aman Abang Mohamad Porkan Abang Budiman.



CENDERAMATA... Datuk Rubiah Wang menerima cenderamata daripada penduduk Kampung Melayu Agropolitan Seduku Baru.

TARIKH:
7 FEBRUARI 2023
HALAMAN:
15
ONLINE

Utusan ☐
BERITA HARIAN X
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
NEW STRAITS TIMES ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
THE BORNEO POST ☐
NEW SABAH TIMES ☐

1,000 penduduk Pos Gob terputus hubungan

Gua Musang: Kira-kira 1,000 penduduk Orang Asli di Pos Gob, di sini, terputus hubungan susulan tanah runtuh di Kampung Gawin sejak Jumaat lalu.

Setiausaha Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA), Aman Pak Ngah, berkata kejadian berlaku disebabkan hujan berterusan sejak beberapa hari lalu itu menyebabkan sukar tidak dapat keluar ke bandar Gua Musang untuk menjalankan urusan harian, selain membeli barangan keperluan.

"Sebelum ini kami masih boleh ke bandar Gua Musang menggunakan motosikal, namun sejak Jumaat lalu tanah runtuh kira-kira 100 meter selepas Kampung Gawin menyebabkan laluan terhalang.

"Semalam (kelmarin), kumpulan pacuan empat roda cuba masuk menggunakan motosikal untuk menghantar barangan keperluan, namun terpaksa berpatah balik kerana jalan sudah ditimbus tanah runtuh," katanya.

Jalan berselut, rosak

Penduduk Kampung Gawin, Amat Jali, 45, berkata dia bersama lima rakan terpaksa menempuh perjalanan dua hari satu malam untuk keluar ke bandar Gua Musang bagi membeli bahan makanan minggu lalu.

"Sejak dua bulan lalu, hanya motosikal boleh melalui jalan ke Pos Gob. Keadaan jalan berselut dan rosak menyebabkan kami terpaksa mengambil masa lama untuk sampai ke Gua Musang.

"Kami tiada pilihan kerana terpaksa keluar membeli makanan di bandar berikutan padi dan tanaman lain sudah dirosakkan gajah liar.

"Orang Asli di sini tidak hanya berhadapan masalah jalan perhubungan yang rosak, tetapi juga gangguan gajah liar yang merosakkan tanaman seperti pisang dan ubi kayu yang menjadi makanan asas kami," katanya.

Justeru, Amat berharap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan segera dan mempercepatkan projek Jalan Bersepadu yang kini dalam pelaksanaan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kelantan dan Terengganu, Roslina Bun berkata, cuaca sentiasa hujan menjadikan baik pulih jalan tergendala seketika, namun pihaknya akan laksanakan masa terdekat.

TARIKH:
7 FEBRUARI 2023
HALAMAN:
1
5
ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



LAWATAN SAMBIL BELAJAR: Kanak-kanak Tabika KEMAS KOMTA dan PGA Kem Temudok, Sri Aman bersama guru-guru pengiring ketika melawat Jabatan Bomba dan Penyelamat Bahagian Sri Aman semalam.

Kanak-kanak tabika KEMAS lawat balai bomba, Kubu Alice

SRI AMAN: Seramai 200 kanak-kanak Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Bahagian Sri Aman melibatkan Tabika KEMAS Kompleks KOMTA Sri Aman dan Tabika KEMAS Pasukan Gerakan Am (PGA) Kem Temudok mengadakan lawatan sambil belajar ke Balai Bomba dan Penyelamat Bahagian Sri Aman dan bangunan bersejarah, Kubu Alice di sini semalam.

Lawatan itu melibatkan empat kelas Tabika KEMAS KOMTA iaitu Kelas A, B, C dan D manakala Tabika KEMAS PGA Kem Temudok melibatkan tiga kelas iaitu Kelas A, B dan C serta ibu bapa kanak-kanak terlibat.

Lawatan tersebut adalah bagi memberi pendedahan kepada kanak-kanak tabika terbabit kepada dunia luar dan sebagai persiapan mereka sebelum melangkah ke alam persekolahan sebenar Tahun 1 sesi 2023/2024.

Di samping itu, lawatan tersebut merupakan salah satu sesi pembelajaran di luar bilik kelas dan pendedahan kepada mereka berhadapan masyarakat umum.

Dalam pada itu, semasa kunjungan ke Balai Bomba dan Penyelamat Sri Aman, kanak-kanak diberi pendedahan kerjaya sebagai anggota bomba dan menyertai aktiviti cara-cara menggunakan pemadam api semasa berlaku kebakaran.

Manakala semasa kunjungan di Kubu Alice, kanak-kanak itu turut diberi penerangan sepintas lalu sejarah kubu itu.

Turut serta empat guru Tabika KEMAS KOMTA iaitu Dayang Norshila Zulkipli, Janet Entayang, Maureen Atang dan Winner Abdul Rahman.

Manakala dari Tabika KEMAS PGA Kem Temudok ialah Senah Andar, Nur Hanimah dan Johana Lagan.